

**Khairy Sangkal Tuduhan Anwar Terhadap Media Berhubung Isu Israel**  
**Bernama**  
**21 Februari , 2012**

PARIT, 21 Feb (Bernama) -- Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin menyangkal dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim kononnya media Umno menggunakan sebahagian sahaja kenyataannya dalam akhbar The Wall Street Journal (WSJ) berhubung sokongan ketua pembangkang itu terhadap Israel.

Beliau berkata tuduhan Anwar itu menggambarkan seolah-olah media Umno yang memutar belit kenyataannya yang disiarkan dalam akhbar antarabangsa itu.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Pemuda Umno di di sini pada Selasa, Khairy berkata temu bual yang disiarkan dalam akhbar WSJ jelas menunjukkan bahawa Anwar menyokong usaha menjaga keselamatan Israel.

"Dalam kenyataan tersebut, dia kata dia sokong segala pertahanan Israel," katanya.

Khairy berkata kerajaan mempunyai polisi dan pendirian yang jelas bahawa Malaysia tidak mempunyai hubungan politik dan diplomatik dengan Israel.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=647052>